

BAB 15 – BAYARAN PENDAHULUAN DAN PERAKUAN INTERIM

15.1 Pendahuluan

15.1.1 Bayaran Pendahuluan dan Bayaran Interim untuk dibayar kepada Kontraktor ada diperuntukkan di dalam Kontrak. Peruntukan untuk Bayaran Pendahuluan adalah menurut Peruntukan Khas Kepada Syarat-syarat Kontrak. Manakala Bayaran Interim kepada Kontraktor hendaklah dibuat menurut klausula 28 Syarat-syarat Kontrak P.W.D. Form 203/203A (Rev. 2007).

15.2 Bayaran Pendahuluan Untuk Kontrak Kerja¹

15.2.1 Bayaran Pendahuluan adalah untuk membantu Kontraktor membiayai kos operasinya dan mula digunakan semenjak tahun 1981. Satu peruntukan khas hendaklah dimasukkan ke dalam Dokumen Tender seperti di Bab 5, Lampiran 5F.

15.2.2 Bagi kontraktor utama, bayaran pendahuluan boleh diberi sehingga 25% daripada nilai kerja pembina (*builder's work*) atau maksimum RM10 juta mengikut mana yang lebih rendah.

15.2.3 Bagi Subkontraktor Dinamakan dan Pembekal Dinamakan, bayaran pendahuluan boleh diberi sehingga 20% daripada nilai kontrak Subkontraktor Dinamakan atau maksimum RM5 juta mengikut mana yang lebih rendah.

15.2.4 Bayaran Wang Pendahuluan boleh disediakan sekiranya terdapat permohonan daripada Kontraktor. Kontraktor berhak dibayar Wang Pendahuluan apabila syarat-syarat berikut dipatuhi:

- (a) Surat Setuju Terima telah ditandatangani dan dikembalikan;
- (b) Bon Pelaksanaan telah dikemukakan dan disahkan (tidak perlu sekiranya Kontraktor memilih Wang Jaminan Pelaksanaan);

¹ Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil . 5 Tahun 2007